

**UOB LADY'S SOLITAIRE CARD
KEMALANGAN PERIBADI PERJALANAN
(MASTER POLISI: OIPUB004253/18-1)**

Terma Persetujuan Insurans

1. United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (271809-K) telah memohon kepada Liberty Insurance Berhad (16688-K) (seterusnya dirujuk sebagai "LIB") dan telah membayar atau bersetuju membayar premium sebagai pertimbangan untuk insurans ini, bersetuju dengan LIB bahawa semua maklumat yang diberi, samada dalam permohonan atau borang cadangan atau dalam cara lain akan menjadi dasar polisi ini.
2. Perkhidmatan ini terhad kepada Ahli Kad yang Layak iaitu Ahli Kad UnitedOverseas Bank Lady's Solitaire World Card.
3. Berikut adalah mereka yang tidak layak untuk Promosi ini :-
 - i. Ahli Kad yang akaun(-akaun)nya telah dihentikan, digantung atau ditamatkan dalam Tempoh Promosi ini;
 - ii. Semua Ahli Kad Kredit dan Debit UOBM yang lain yang tidak memegang Kad UOB Lady's;
 - iii. Akaun dengan UOBM yang dikira delinkuen atau dikendalikan dengan cara yang tidak memuaskan yang ditentukan oleh UOBM dengan budi bicara mutlakanya;
 - iv. Mereka yang tidak siaman, telah meninggal, bankrap atau mereka yang mempunyai sebarang kes guaman terhadapnya

**BAHAGIAN1: PERLINDUNGAN TANDATANGAN DAN TERBANG (SIGN & FLY)
SEKSYEN 1: KEMALANGAN PERJALANAN PENGANGKUTAN AWAM**

1.0 Mukadimah

LIB akan membayar Manfaat kepada Orang yang Diinsuranskan sekiranya Kejadian yang Dilindungi sepertimana yang tertulis dalam Seksyen 1.2 terjadi kepada Orang yang Diinsuranskan semasa menunggang sebagai penumpang dan bila menaiki atau menurun dari mana-mana Kenderaan Awam yang dikendalikan oleh Pembekal Pengangkutan Awam, dimana Tambang Penuh Orang yang Diinsuranskan telah dicajkan oleh Ahli Kad kepada akaun Kad UOB Lady's Solitaire mereka.

Insurans ini adalah dilanjutkan untuk melindungi Orang yang Diinsuranskan:

- a) semasa berada didalam mana-mana bangunan terminal Pengangkutan Awam untuk menaiki kenderaan awam;
- b) semasa menaiki sebagai penumpang kenderaan bermotor empat-roda berdaftar atau Kenderaan Awam, tetapi hanya:
 - i. apabila menuju ke lapangan terbang untuk menaiki kapal terbang;
 - ii. semasa meninggalkan lapangan terbang selepas menurun dari kapal terbang atau kapal laut, sehingga sampai ke destinasi mereka.

Dengan syarat, berkenaan dengan perkara 1.0 b(i) dan b(ii), Tambang Penuh Orang yang Diinsuranskan untuk pengangkutan seperti penerbangan udara, hendaklah dicajkan oleh Ahli Kad kepada akaun Kad UOB Lady's Solitaire mereka.

Jikalau perjalanan yang dispesifikasi dalam perkara 1.0 a), b(i) dan b(ii) menjadi sebahagian daripada pakej pelancongan, perlindungan hanya terpakai sekiranya minimum 80% atas kos penuh pakej pelancongan telah dicajkan kepada akaun Ahli Kad UOB Lady's Solitaire.

1.1 Jadual Manfaat-manfaat

Tertakluk kepada perkara-parkara 1.4 Had Liabiliti dan 1.5 Had Perlindungan Pelbagai, Manfaat yang dibayar oleh LIB adalah mengikut peratus yang ditetapkan dalam jadual dibawah.

1.2 Kejadian yang Dilindungi

Kejadian yang Dilindungi dibawah Perlindungan Tandatangan dan Terbang adalah untuk Kecederaan yang mengakibatkan kematian atau kecacatan yang ditetapkan dalam jadual dibawah.

JADUAL PAMPASAN

NO.	KEJADIAN YANG DILINDUNGI	PERATUSAN JUMLAH DILINDUNGI
1.	Kehilangan nyawa atas sebab kemalangan	100%
2.	Kehilangan kedua-dua tangan atau kedua-dua kaki	100%
3.	Kehilangan satu tangan dan/atau satu kaki	100%
4.	Kehilangan penglihatan di kedua-dua belah mata	100%
5.	Kehilangan penglihatan si sebelah mata	100%
6.	Kehilangan penglihatan di sebelah mata dan satu tangan atau satu kaki	100%

“Kehilangan” dalam penggunaan diatas berkenaan dengan mata bermaksud kehilangan penglihatan yang penuh dalam mata tersebut dan tidak dapat diubahi.

Jika dalam tempoh satu tahun dari Tarik Kemalangan, kecederaan yang dialami oleh Orang yang Diinsuranskan dibawah Seksyen 1 mengakibatkan sebarang Kejadian yang Dilindungi seperti yang ditetapkan, LIB akan membayar Peratus Jumlah Modal yang Diinsuranskan sebagaimana berlawanan, dengan syarat, yang tidak lebih dari satu jumlah tersebut (subjek yang lebih besar kepada liability maksima 100%) akan dibayar untuk Kecederaan akibat mana-mana Kemalangan.

1.3 Jumlah Modal yang Diinsuranskan

Had liability setiap Orang yang Diinsuranskan: sehingga RM 500,000

Jumlah yang dibayar kepada anak tanggungan Ahli Kad akan dihadkan kepada maksima 10% daripada Jumlah Modal yang Diinsuranskan oleh Ahli Kad.

1.4 Had Liability

Liabiliti terkumpul maksima dibawah LIB dalam Bahagian 1: Seksyen 1: Perlindungan Kemalangan Perjalanan Pengangkutan Awam berkenaan dengan mana-mana Kejadian Kehilangan adalah RM30, 000,000.

Jika amaun agregat semua tuntutan yang dibayar dari sebarang Kejadian Kehilangan melebihi RM30, 000,000, maka amaun yang dibayar berkenaan dengan setiap Orang yang Diinsuranskan akan dikurangkan mengikut kadar.

1.5 Had Perlindungan Pelbagai

Ianya telah disetujui dengan jelas bahawa sekiranya Orang yang Diinsuranskan sebagai Ahli Kad dan Isteri/Suami dan/atau Anak, had liability maksima LIB adalah Jumlah Modal Diinsuranskan, yang mana lebih tinggi.

1.6 Lanjutan Automatik

Pendedahan dan Lenyapan

Meskipun sebarang perkara yang terkandung sebaliknya, ianya jelas difahami dan disetujui yang kalau tubuh badan Orang yang Diinsuranskan, Isteri/Suami dan/atau Anak tidak dapat dijumpai dalam tempoh 12 bulan selepas Tarikh Kemalangan akibat pelanggaran, ketenggelaman atau kerosakan Kenderaan Awam yang dinaiki oleh Orang yang Diinsuranskan pada masa Kemalangan yang Dilindungi oleh Polisi ini, ianya akan dianggap yang kecederaan Orang yang Diinsuranskan, Isteri/Suami dan/atau Anak telah mengakibatkan Kematian Orang yang Diinsuranskan, Isteri/Suami dan/atau Anak pada masa Kemalangan. Sekiranya pada bila-bila masa selepas tuntutan telah dibayar oleh LIB, Orang yang Diinsuranskan, Isteri/Suami dan/atau Anak didapati hidup, wang tuntutan hendaklah dikembalikan secara penuh kepada LIB.

1.7 Pengecualian

LIB tidak akan bertanggungjawab ke atas Kehilangan yang disebabkan oleh, samada secara lansung atau tidak lansung:

- a) apa-apa tindakan perang, penaklukan, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi berbentuk perang (sama ada perang diisytiharkan atau tidak) pemberontakan, perang saudara, penentangan, revolusi, pemberontakan, konspirasi, ketenteraan atau perampasan kuasa, undang-undang darurat;
- b) radiasi ion, tindak balas nuklear, radiasi nuklear atau pencemaran radioaktif;
- c) rusuhan serta kekecohan awam;
- d) sebarang perbuatan keganasan;

Untuk sebab ini, sebarang perbuatan keganasan bermaksud sesuatu perbuatan, termasuk tetapi tidak terhad kepada kegunaan kekerasan atau keganasan untuk/atau mengancam, sesiapa individu atau kumpulan, samada secara perseorangan atau mewakili atau melibatkan sesebuah organisasi atau kerajaan, dilakukan untuk tujuan politik, agama, ideologi atau sebab-sebab yang sama termasuk niat untuk mempengaruhi manamana kerajaan dan/atau menakutkan mana-mana sektor awam atau masyarakat awam.

Pengecualian ini mengecualikan kehilangan, kerosakan, kematian, kecederaan, kesakitan, kos dan perbelanjaan dalam apa jua bentuk disebabkan secara lansung atau tidak lansung, dihasilkan dari atau mempunyai sebarang kaitan dengan tindakan untuk mengawal, mencegah, membenam atau dalam apa-apa cara yang dikaitkan dengan perbuatan keganasan;

- e) Orang yang Diinsuranskan:
 - i) menaiki pengangkutan udara / air / darat kecuali sebagai penumpang membayar tambang;
 - ii) melakukan perbuatan jenayah;
 - iii) membunuh diri atau melukakan diri sendiri (samada feloni atau tidak) atau mana-mana percubaan untuk mengancam samada siuman atau tidak.
- f) LIB tidak akan melindungi situasi berikut:
 - i. apa-apa kerugian, kecederaan, kerosakan atau liabiliti undang-undang yang timbul secara lansung atau tidak lansung daripada perjalanan dalam, ke atau melalui Afghanistan, Cuba, Republik Demokratik Congo, Iran, Iraq, Liberia, Sudan atau Syria; dan
 - ii. apa-apa kerugian, kecederaan, kerosakan, atau liabiliti undang-undang yang ditanggung atau dialami secara lansung atau tidak lansung oleh orang yang diinsuranskan sekiranya orang tersebut adalah:
 - i) seorang pengganas;
 - ii) seorang ahli persatuan pengganas;
 - iii) seorang pedagang narkotik (pengedar dadah); atau
 - iv) seorang pembekal senjata nuklear, kimia atau biologi.

BAHAGIAN 2: INSURANS KESULITAN PERJALANAN

2.0 Mukadimah

LIB akan menanggung rugi Orang yang Diinsuranskan sehingga ke amaun yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat di Seksyen 2.1 di bawah sekiranya Kejadian yang Dilindungi sepertimana yang tertulis dalam Seksyen 2.2 terjadi kepada Orang yang Diinsuranskan semasa menanggung sebagai penumpang bayar tambang dalam Jadual Penerbangan dimana Tambang Penuh Orang yang Diinsuranskan telah dicajkan oleh Ahli Kad kepada akaun Kad UOB Lady's Solitaire mereka.

Jikalau perjalanan menjadi sebahagian daripada pakej pelancongan, perlindungan hanya terpakai sekiranya minimum 80% atas kos penuh pakej pelancongan telah dicajkan kepada akaun Ahli Kad UOB Lady's Solitaire.

2.1 Jadual Manfaat

Manfaat	Penerbangan Tertanggung/ Ketinggalan Pernerbangan Bersambung	Kelewatan Bagasi	Kehilangan Bagasi
Ahli Kad	Sehingga RM 1,000	Sehingga RM 1,000	Sehingga RM 2,000
Dalam agregat mana-mana satu Keluarga	Sehingga RM 1,000	Sehingga RM 1,000	Sehingga RM 2,000

2.2 Kejadian yang Dilindungi

2.2.1 Kelewatan Penerbangan

Liberty Insurans Berhad akan bertanggungjawab atas sebarang kos munasabah untuk:

- a) makanan, minuman, penginapan hotel, caj telefon dan perbelanjaan kenderaan pergi-balik hotel dan lapangan terbang;
- b) pakaian yang mustahak dan keperluan lain, jika bagasi Orang Yang Diinsuranskan telah didaftar masuk

Kalau masa bertolak yang dijadualkan untuk Orang Yang Diinsuranskan tertangguh selama enam (6) jam berturut-turut dari masa bertolak asal atau dibatalkan oleh Syarikat Penerbangan atau Orang yang Diinsuranskan dinafikan untuk menaiki atas sebab tempahan penuh, dan tiada pengangkutan alternatif dalam waktu 6 jam berturut-turut selepas penerbangan yang dijadualkan tersebut.

2.2.2 Ketinggalan Penerbangan Bersambung

Liberty Insurans Berhad akan membayar kos yang munasabah untuk:

- a) makanan, minuman, penginapan hotel, caj telefon dan perbelanjaan kenderaan pergi-balik hotel dan lapangan terbang;
- b) pakaian yang mustahak dan keperluan lain, jika bagasi Orang Yang Diinsuranskan telah didaftar masuk,

Kalau Orang Yang Diinsuranskan ketinggalan Penerbangan Bersambung yang dijadualkan akibat Penerbangan yang Dijadualkan tertangguh, dan tiada pengangkutan alternatif dalam waktu 6 jam berturut-turut selepas masa ketibaan penerbangan tersebut.

2.2.3 Kelewatan Bagasi

Liberty Insurans Berhad akan membayar kos yang munasabah untuk pembelian kecemasan seperti pakaian mustahak serta keperluan lain jika bagasi Orang yang Diinsuranskan telah didaftar masuk dan lewat untuk 6 jam berturut-turut selepas masa ketibaan yang dijadualkan di lapangan terbang destinasi.

2.2.4 Kehilangan Bagasi

Liberty Insurans Berhad akan membayar kos yang munasabah untuk pembelian kecemasan seperti pakaian mustahak serta keperluan lain jika:

- a) Jika bagasi daftar masuk yang dibawa bersama oleh Orang Yang Diinsuranskan telah Hilang
- b) Jika bagasi daftar masuk yang dibawa bersama oleh Orang Yang Diinsuranskan tidak sampai dalam masa 48 jam selepas ketibaannya di lapangan terbang destinasi

hanya jika bagasi didaftar masuk oleh pegawai berkuasa yang ditauliahkan oleh Pengangkutan Umum tersebut.

Untuk kehilangan bagasi yang didaftar masuk dengan Pengangkutan Umum, Kehilangan hendaklah dimaklumkan kepada Pegawai Berkuasa Pengangkutan Umum tersebut untuk menerima tuntutan sedemikian sebaik sahaja Orang Yang Diinsuranskan telah menyedari bahawa bagasinya telah hilang.

2.2.5 Peruntukan Istimewa

- a) Jikalau di dalam sebarang masa tuntutan yang timbul dibawah perkara 2.2.3 dan 2.2.4, terdapat perlindungan insurans lain yang sah dan boleh dituntut, melindungi sebahagian atau keseluruhan kehilangan yang sama, Seksyen ini hanya terpakai kepada jumlah kehilangan terlebih yang tidak diperolehi dalam gantirugi insurans yang lain tersebut.
- b) Sebarang jumlah yang dibayar dibawah perkara 2.2.3 akan ditolak dari sebarang bayaran tuntutan dalam perkara 2.2.4 berkenaan dengan tuntutan yang sama.
- c) Ianya telah disetujui dengan jelas bahawa sekiranya Orang yang Diinsuranskan sebagai Ahli Kad dan Isteri/Suami dan/atau Anak, had liability maksima adalah amaun yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat di Seksyen 2.1, yang mana lebih tinggi.

2.3 Pengecualian

Liberty Insurance berhad tidak akan bertanggungjawab ke atas Kehilangan yang disebabkan oleh:

- a) apa-apa tindakan perang, penaklukan, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi berbentuk perang (sama ada perang diisytiharkan atau tidak) pemberontakan, perang saudara, penentangan, revolusi, pemberontakan, konspirasi, ketenteraan atau perampasan kuasa, undang-undang darurat;
- b) radiasi ion, tindak balas nuklear, radiasi nuklear atau pencemaran radioaktif;
- c) rusuhan serta kekecohan awam;

- d) sebarang perbuatan keganasan;

Bagi tujuan ini, sebarang perbuatan keganasan bermaksud sesuatu perbuatan, termasuk tetapi tidak terhad kepada kegunaan kekerasan atau keganasan untuk/atau mengancam, sesiapa individu atau kumpulan, samada secara perseorangan atau mewakili atau melibatkan sesebuah organisasi atau kerajaan, dilakukan untuk tujuan politik, agama, ideologi atau sebab-sebab yang sama termasuk niat untuk mempengaruhi manamana kerajaan dan/atau menakutkan mana-mana sektor awam atau masyarakat awam.

Pengecualian ini mengecualikan kehilangan, kerosakan, kematian, kecederaan, kesakitan, kos dan perbelanjaan dalam apa jua bentuk disebabkan secara langsung atau tidak langsung, dihasilkan dari atau mempunyai sebarang kaitan dengan tindakan untuk mengawal, mencegah, membenam atau dalam apa-apa cara yang dikaitkan dengan perbuatan keganasan;

- e) Orang yang Diinsuranskan:
- i) menaiki pengangkutan udara / air / darat kecuali sebagai penumpang membayar tambang;
 - ii) melakukan perbuatan jenayah;
 - iii) kegagalan Orang yang Diinsuranskan untuk mengambil langkah-langkah yang munasabah dan perlu untuk menyelamatkan atau mendapatkan semula bagasi yang hilang;
 - iv) kegagalan Orang yang Diinsuranskan untuk memaklumkan kepada pihak berkuasa di lapangan terbang/Syarikat Penerbangan tentang kehilangan bagasi di tempat destinasi dan mendapatkan laporan penyelewengan harta bagi kerugian yang ditanggung oleh Pengangkutan Umum;
 - v) meninggalkan bagasi di Syarikat Penerbangan atau mana-mana pihak lain.
- f) penyitaan, penahanan, pemusnahan oleh kastam atau pihak berkuasa awam, objek yang dipakai di badan yang melibatkan pemasukan logam berharga, batu berharga atau batu separa berharga.
- g) Liberty Insurans Berhad tidak akan melindungi situasi berikut:
- i. apa-apa kerugian, kecederaan, kerosakan atau liabiliti perundangan yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada perjalanan di, ke atau menerusi Afghanistan, Cuba, Democratic Republic of Congo, Iran, Iraq, Liberia, Sudan atau Syria; dan
 - ii. apa-apa kerugian, kecederaan, kerosakan, atau liabiliti perundangan yang dideritai atau dialami secara langsung atau tidak langsung oleh seorang Orang Yang Diinsuranskan jika Orang Yang Diinsuranskan itu adalah:
 - i) seorang pegganas
 - ii) seorang ahli organisasi pegganas
 - iii) seorang penyeludup narkotik; atau
 - iv) seorang pembekal senjata nuklear, kimia atau biologi.

BAHAGIAN 3: SYARAT TUNTUTAN

- 3.1 Jika berlaku kejadian di mana mungkin berlaku tuntutan di bawah polisi ini, Orang yang Diinsuranskan akan pada masa yang secepat mungkin, tetapi tidak lebih daripada 30 hari selepas berlaku kejadian tersebut (kecuali kalau terdapat keadaan yang tidak terduga), memberi notis kepada Jabatan Tuntutan, Tingkat 8 Menara Liberty, 1008 Jalan Sultan Ismail 50250 Kuala Lumpur, Malaysia, dan hubungi Liberty Insurans Berhad di 1-300-888-990 atau emelkan kepada callcentre@libertyinsurance.com.my dan akan memberi semua maklumat dan bukti yang diwajibkan olehnya dan akan mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan kehilangan atau kerosakan.
- 3.2 Semua maklumat dan bukti yang diperlukan oleh LIB akan disediakan oleh Orang yang Diinsuranskan dan akan berada dalam keadaan dan cara yang ditetapkan oleh LIB. Orang yang Diinsuranskan akan mengikut semua tindakan dan perkara yang ditetapkan secara munasabah oleh LIB.
- 3.3 Orang yang Diinsuranskan akan mengisi borang tuntutan dan mengemukakannya kepada wakil yang ditetapkan secepat yang mungkin bersama dokumen-dokumen yang berikut:-
- a) Salinan fotokopi borang caj yang mengesahkan bahawa tiket penerbangan yang berkenaan telah dicajkan kepada akaun Kad UOB Lady's Solitaire;
 - b) Salinan fotokopi resit jualan agen pelancongan atau Syarikat Penerbangan;
 - c) Salinan fotokopi tiket penerbangan;
 - d) Salinan fotokopi pas masuk penerbangan (jika ada);
 - e) Laporan pemeriksaan mayat/ laporan(-laporan) perubatan yang diperlukan oleh Liberty Insurans Berhad.
 - f) Surat daripada syarikat penerbangan mengesahkan tempoh dan alasan kelewatan Bagasi.

- 3.4 Tanggungan untuk kehilangan nyawa akan dibayar kepada estet Orang yang Diinsuranskan. Semua bayaran tanggungan dalam kehilangan kelas-kelas yang lain akan dibayar kepada Orang yang Diinsuranskan. Manfaat-manfaat yang dibayar dibawah Polisi ini untuk tuntutan-tuntutan yang sah akan dikreditkan ke akaun Kad UOB Lady's Solitaire.
- 3.5 Orang yang Diinsuranskan hendaklah serta-merta selepas kejadian kehilangan yang memungkinkan tuntutan dalam Polisi ini, mendapatkan dan mengikut nasihat Pengamal Perubatan dan LIB tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kesudahan yang diakibatkan oleh kegagalan Orang yang Diinsuranskan mendapatkan dan mengikut nasihat sebegini atau menggunakan perkakas atau ubat yang ditetapkan dalam Polisi ini.
- 3.6 Jika berlaku tuntutan dibawah polisi ini merupakan penipuan atau berdasarkan penipuan oleh Orang yang Diinsuranskan atau wakilnya untuk mendapatkan bayaran Manfaat di bawah polisi ini, Liberty Insurans Berhad tidak akan bertanggungjawab dan tidak mempunyai liabiliti untuk tuntutan tersebut.

BAHAGIAN 4

SEKSYEN 1: SYARAT-SYARAT AM

1. Semua perkataan yang muncul sebagai jantina lelaki merujuk kepada wanita juga.
2. Semua dokumen bertulis yang diisukan atau bakal diisukan kepada Yang Diinsuranskan samada sebahagian atau keseluruhan polisi mesti mendapat kelulusan LIB sebelum pelepasan dari Ahli Kad. Terma dan syarat polisi ini akan mengatasi perjanjian-perjanjian lain dibuat antara Yang Diinsuranskan dan Ahli Kad.
3. Semua amaun yang dinyatakan disini adalah didalam Ringgit Malaysia.
4. Orang Yang Diinsuranskan dengan ini mempunyai hak untuk membatalkan Polisi Utama ini dengan memberikan sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari notis bertulis kepada Kumpulan Perkhidmatan Pelanggan, Menara Liberty, 1008 Jalan Sultan Ismail 50250 Kuala Lumpur, Malaysia dimana LIB akan mengekalkan premium tempoh pendek untuk masa polisi dikuatkuasakan. LIB boleh membatalkan polisi ini pada bila-bila masa dengan memberikan sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari notis bertulis kepada Orang Yang Diinsuranskan, dimana LIB akan membayar balik atas permintaan satu bahagian premium yang berkadar untuk baki tempoh dari tarikh pembatalan.
5. Pematuhan dan penunaian terma Polisi ini, terutama yang berkenaan dengan sebarang tindakan dan pemenuhan oleh Pihak Yang Diinsuranskan serta Ahli Kad adalah syarat pertama kepada liabiliti Liberty Insurans Berhad untuk membuat sebarang pembayaran dibawah Polisi ini.
6. Liberty Insurans Berhad tidak akan bertanggungjawab untuk menerima atau dipengaruhi oleh sebarang notis atau amanah, lien, penyerahan hak atau apa-apa urusan lain berkenaan Polisi ini.
7. Amaun bayaran dibawah polisi ini tidak akan dikenakan faedah dalam apa jua keadaan.
8. Bayaran premium yang pertama akan dibayar kepada Liberty Insurans Berhad oleh Yang Diinsuranskan pada atau selepas tarikh efektif Tempoh Polisi. Bayaran premium yang berikutnya dibawah polisi ini hendaklah dibayar didalam tempoh 7 hari selepas tamatnya terma polisi atau tarikh ulangtahun atau tarikh pembaharuan. Pada tarikh itu, Yang Diinsuranskan hendaklah melapor nombor sebenar Ahli Kad yang dilindungi oleh polisi ini di dalam Tempoh Polisi. Yang Diinsuranskan hendaklah membayar premium tambahan kepada Liberty Insurans Berhad atau Liberty Insurans Berhad hendaklah membayar balik premium secukupnya kepada Yang Diinsuranskan, tertakluk kepada premium minimum yang diperlukan oleh LIB dari semasa ke semasa.

Liberty Insurans Berhad mempunyai hak untuk memeriksa semua buku dan rekod Yang Diinsuranskan, yang berkenaan dengan insurans ini pada bila-bila masa dalam Tempoh Insurans dan diantara 2 tahun selepas pemberhentian polisi ini atau sehingga pembayaran terakhir semua tuntutan tersebut, yang mana lebih lewat.
9. Kebenaran menggunakan data peribadi. Dengan memohon perlindungan insurans ini, Orang yang Diinsuranskan bersetuju mana-mana maklumat peribadi yang dikumpulkan atau dipegang oleh Syarikat (sama ada terkandung dalam permohonan ini atau diperolehi dengan cara lain) diberikan kepada Syarikat dan boleh dipegang, diguna, dan dikemukakan oleh Syarikat kepada individu, badan atau organisasi yang menyediakan perkhidmatan, organisasi yang berkaitan dengan Syarikat atau mana-mana pihak ketiga yang dipilih (dalam atau luar Malaysia, termasuk syarikat-syarikat reinsurans dan penyiasatan tuntutan dan persatuan/perbadanan industri) bagi tujuan memproses permohonan ini dan memberikan perkhidmatan seterusnya untuk produk dan perkhidmatan kewangan yang lain, pemasaran langsung, pemadanan data, dan untuk berkomunikasi dengan Orang yang Diinsuranskan untuk tujuan seperti itu. Orang yang Diinsuranskan berhak memperoleh akses kepada, dan memohon pembetulan apa-apa maklumat peribadi yang dipegang oleh Syarikat berkaitan dengannya dari semasa ke semasa.

10. Kebenaran untuk mengemas kini data peribadi. Dengan menyerah permohonan untuk perlindungan, Orang yang Diinsuranskan telah bersetuju dan membenarkan Liberty Insurans Berhad untuk menggunakan maklumat pembayaran kad kredit terkini yang diselenggarakan oleh bank mengisytiharkan yang sama, dengan kemudahan kad kreditnya.
11. Mana-mana pertikaian, perselisihan pendapat atau persoalan yang mungkin timbul pada bila-bila masa selepas ini antara Yang Diinsuranskan dengan Orang Yang Diinsuranskan hendaklah dirujuk kepada Pusat Timbang-Tara Rantau Kuala Lumpur. Semua prosiding timbang-tara hendaklah dilakukan dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh sangkalan, dimana jika gagal, Liberty Insurans Berhad tidak akan menanggung tuntutan tersebut.
12. Polisi ini hendaklah ditafsirkan dan ditadbirkan mengikut Undang-Undang Malaysia dan/atau arahan dari badan kawalan insurans Malaysia.
13. Perkataan-perkataan yang membawa maksud tunggal, dimana konteksnya menyetujui, meliputi maksud jamak, dan sebaliknya.
14. Polisi atau perlindungan ini akan diberhentikan secara automatik apabila Orang yang Diinsuranskan tidak lagi menjadi Ahli Kad atau apabila polisi ini dibatalkan, pada tarikh yang lebih awal.
15. Orang yang Diinsuranskan akan mengambil semua langkah berjaga-jaga untuk memastikan keselamatan Barangan Persendiriaannya atau bagasinya dan telah sebaik mungkin, mencegah sebarang Kecederaan atau risiko berlebihan mendapat penyakit berjangkit.
16. Semua komunikasi kepada Liberty Insurans berhad hendaklah dalam bentuk tulis atau mana-mana cara yang diterima oleh Liberty Insurans Berhad.
17. Masa merujuk kepada masa Malaysia.
18. Perubahan Polisi ini meliputi endorsem dan kertas lampiran, jika ada, dan mengandungi kontrak insurans yang menyeluruh.
19. Semasa pembaharuan, kadar premium tidak akan dijamin. Liberty Insurans Berhad berhak mengubah kadar premium berdasarkan pengalaman tuntutan oleh Orang yang Diinsuranskan untuk polisi ini, dimana pindaan akan digunapakai untuk semua orang dibawah polisi ini, tidak mengira pengalaman tuntutan individu.
20. Persetujuan penama tidak menjadi pra-syarat untuk memberhentikan atau membatalkan polisi ini atau mengubah penama atau mengubah polisi ini.
21. Polisi ini boleh dikembalikan dengan kebenaran Liberty Insurans Berhad, dengan syarat Yang Diinsuranskan membuat permohonan untuk pengembalian dan membekalkan Liberty Insurans Berhad dengan semua maklumat yang diperlukan dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh akhir premium tidak tertunai. Jika diterima, Liberty Insurans Berhad akan mengembalikan polisi dari hari pertama bulan kalendar selepas penerimaan premium oleh Liberty Insurans Berhad.

Untuk menghindari keraguan, LIB tidak akan menerima pembayaran premium untuk tempoh luput polisi yang disebabkan kegagalan membayar premium. LIB tidak akan membayar sebarang tuntutan yang dibuat selang masa antara tarikh luput dan pengembalian semula polisi.
22. Jika LIB bertanggungjawab atas sebarang pembayaran dalam polisi ini, LIB akan disubrogasi hingga ke setakat bayaran itu ke atas semua hak dan remedi Orang yang Diinsuranskan terhadap mana-mana parti dan akan berhak atas perbelanjaan sendiri untuk menyaman atas nama Yang Diinsuranskan. Orang yang Diinsuranskan hendaklah memberikan atau menyebabkan supaya diberikan kepada LIB, apa-apa bantuan dalam kuasa beliau seperti yang dikehendaki oleh LIB untuk menjamin hak dan remedi dan atas permintaan LIB hendaklah dilaksanakan atau menyebabkan ia dilaksanakan.
23. Tindakan undang-undang atau ekuiti tidak boleh dibawa untuk menuntut ke atas Polisi ini sebelum tamat Sembilan puluh (90) hari selepas tarikh kemalangan.

SEKSYEN 2: DEFINISI

1. **“Kemalangan”** hendaklah bermaksud satu kejadian luaran ganas, yang tidak dikawal, tidak disengajakan, tidak dijangka, luar biasa dan khusus yang berlaku secara sendiri, yang terjadi pada suatu tempat dan masa yang boleh dipastikan, bebas daripada apa-apa sebab lain, menjadi sebab utama kecederaan.
2. **“Syarikat Penerbangan”** bermaksud Syarikat Penerbangan yang disenaraikan di Panduan Penerbangan Rasmi yang terkini, diisukan dan dikemaskinikan oleh United Business Media Limited dan Syarikat Penerbangan tersebut mempunyai sijil yang

sah, lesen atau penguasaan yang sama untuk pengangkutan udara berjadual yang diisukan oleh pihak berkuasa yang berkenaan dalam Negara tersebut dimana Kapal Terbang tersebut beroperasi.

3. **“Manfaat”** bermaksud jumlah kewangan yang ditetapkan terhadap Kejadian yang Dilindungi.
4. **“Kecederaan”** hendaklah bermaksud kecederaan tubuh yang disebabkan secara terus dan langsung oleh satu Kemalangan dan mengecualikan kecederaan yang disebabkan kesakitan atau penyakit, jangkitan bakteria atau virus yang tidak disebabkan oleh luka yang tidak disengajakan.
5. **“Ahli Kad”** bermaksud pemegang Kad UOB Lady's Solitaire sah yang diisukan oleh Yang Diinsuranskan dan dibil di Malaysia.
6. **“Kad UOB Lady's Solitaire”** bermaksud Kad UOB (utama dan tambahan sahaja).
7. **“Kenderaan Awam”** hendaklah bermaksud mana-mana kenderaan yang dilesenkan dengan cara yang sepatutnya mengikut peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa dan digunakan untuk mengangkut penumpang-penumpang yang membayar tambang.
8. **“Anak”** bermaksud anak tiri / anak angkat / anak kandung Orang yang Diinsuranskan yang telah mencecah usia tiga puluh (30) hari dan ke atas serta lapan belas (18) tahun ke bawah atau dua puluh tiga (23) tahun ke bawah sekiranya mereka adalah tanggungan kewangan dan dalam pendidikan sepenuh masa.
9. **“Tambang Konsesi”** melingkungi:
 - a. Tiket yang mempunyai tawaran diskaun oleh Pengendali Pengangkutan Awam;
 - b) Tiket promosi, termasuk “tiket percuma” yang diberi dengan pembelian tiket, yang mana kos tiket telah dicajkan oleh Ahli Kad ke akaun Kad UOB Lady's Solitaire, dengan syarat kedua-dua tiket yang percuma dan yang dibeli diisukan atas nama Orang yang Diinsuranskan.
 - c) Tiket yang ditawarkan sebagai Program Ganjaran Bank UOB atau program lain yang sama oleh Yang Diinsuranskan dengan atau tanpa caj tambahan. Sekiranya kos dicajkan, 100% dari kos mesti dicajkan oleh Ahli Kad Bank UOB kepada akaun Kad UOB Lady's Solitaire mereka.
10. **“Tarikh Kemalangan”** ialah tarikh dimana kemalangan berlaku.
11. **“Ahli Keluarga”** bermaksud:
 - a) Isteri / Suami Ahli Kad
 - b) semua anak Ahli Kad
12. **“Tambang Penuh”** bermaksud 100% tambang dibayar oleh Ahli Kad atas tambang biasa atau Tambang Konsesi.
13. **“Yang Diinsuranskan”** bermaksud United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (271809K).
14. **“Kejadian yang Dilindungi”** bermaksud kejadian yang dilindungi dibawah polisi ini terutamanya yang dinyatakan di dalam setiap seksyen polisi ini.
15. **“Orang yang Diinsuranskan”** yang berkenaan dengan **Seksyen 1 – Kemalangan Perjalanan Pengangkutan Awam** bermaksud Ahli Kad atau mana-mana Ahli Keluarga yang ditetapkan di sini.
16. **“Kejadian kehilangan”** bermaksud setiap tuntutan atau siri tuntutan yang disebabkan oleh sebuah kemalangan atau kejadian. Tempoh Kejadian Kehilangan ditafsirkan terhad kepada 72 jam berturut-turut dan radius 100 batu (160 kilometer) radius, dan tiada kehilangan individu yang berlaku di luar tempoh atau kawasan ini akan dimasukkan sebagai Kejadian Kehilangan.
17. **“Kekal”** bermaksud tahan sehingga 12 bulan kalendar dari tarikh kemalangan dan selepas tarikh luput 12 bulan kalendar tiada lagi harapan untuk bertambah baik.
17. **“Tempoh Polisi”** hendaklah bermaksud tempoh premium telah dibayar dan perlindungan menjadi aktif. Ia adalah tempoh diantara permulaan polisi (atau tarikh pengembalian yang terakhir mengikut peruntukan polisi ini, yang mana lebih lewat) dan tarikh luput yang dinyatakan dalam Jadual Polisi.
18. **“Jadual Polisi”** hendaklah jadual polisi yang dilampirkan bersama dan membentuk polisi ini.
19. **“Pengamal Perubatan”** hendaklah bermaksud seseorang individu berkelayakan yang berdaftar dan berlesen untuk mengamalkan perubatan barat dalam lingkungan kepakarannya di kawasan geografi dan bidang kuasa amalan perkhidmatan

perubatannya, tetapi tidak termasuk seseorang yang merupakan Orang Yang Diinsuranskan sendiri atau Ahli Keluarga Terdekat Orang Yang Diinsuranskan.

20. **“Pengangkutan Awam”** bermaksud mana-mana Penerbangan yang Dijadualkan, atau pengangkutan darat dan air yang berlesen, untuk tujuan kegunaan penumpang bayar tambang dan akan mengecualikan sewa peribadi atau kenderaan sewa atau kenderaan yang digunakan untuk tujuan pelancongan.

21 **“Penerbangan yang Dijadualkan”** bermaksud mana-mana dibawah:

- a) Satu penerbangan dengan Syarikat Penerbangan mengikut laluan yang dijadualkan,
- b) Satu penerbangan tambahan yang dikendalikan oleh sebuah Syarikat Penerbangan untuk memenuhi keperluan jadual laluan,
- c) Penerbangan yang disewa khas dimana tiket-tiketnya diisu melalui agen yang dilantik dan tersedia untuk orang awam.

Masa bertolak, perkhidmatan teksi ke lapangan terbang dan tempat destinasi akan ditetapkan dengan rujukan kepada tiket Penerbangan Orang yang Diinsuranskan.

22 **“Penyakit”** bermaksud mana-mana kesakitan dan penyakit yang tidak dijangka.

23. **“Isteri/suami”** bermaksud pasangan sah Orang yang Diinsuranskan.

Notis Penting:

Sekiranya terdapat kekeliruan, kekaburan dan konflik dalam mentafisiran mana-mana terma dan syarat kontrak ini, versi Bahasa Inggeris adalah terpakai dan mengatasi versi Bahasa Malaysia.